



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 17 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	KPKM BAWA MASUK KELAPA TUA DARI SABAH, SARAWAK, NASIONAL, SH -12 REFORMASI INDUSTRI PADI TUMPUAN KPKM, NEGARA, KOSMO -9 TINGKAT PENGELUARAN PADI TUMPUAN 2025, DALAM NEGERI, UM -8 MINI MAHA KUKUH KERJASAMA, LOKAL, HM -16 MINI MAHA SEMPENA SIDANG KEMUNCAK, DALAM NEGERI, UM -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
6. 7. 8. 9. 10.	FAMA TINGKAT PEMBELIAN KELAPA TUA DARI INDONESIA, NEGARA, KOSMO -9 LANGKAH PROAKTIF FAMA TANGANI KEKURANGAN BEKALAN KELAPA, LOKAL, HM -16 IMPORT 500 TAN KELAPA INDONESIA SETIAP BULAN PENUHI BEKALAN MUSIM PERAYAAN, NASIONAL, BH -19 OVERCOMING THE COCONUT SHORTAGE WITH IMPORTS, NATION, THE STAR -8 CALLS TO ADDRESS GROWING FOOD SECURITY IN MALAYSIA, NATIONAL, THE SUN -3	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12. 13.	KESAL HARGA BELIAN PADI TURUN MENDADAK, NASIONAL, SH -12 KERAJAAN DISARAN WUJUDKAN KUOTA BELIAN PADI PENGILANG BESAR, NASIONAL, SH -12 PESAWAH TUNTUT HARGA PADI RM1,600, DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pesawah mengeluh,
penurunan harga jejas
pendapatan musim
menuai kali ini

Kesal harga belian padi turun mendadak

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SABAK BERNAM

Kira-kira 4,000 pesawah di Sungai Besar, di sini kesal berikutan harga belian padi turun mendadak kepada RM1,400 berbanding RM1,650 per tan pada musim lalu.

Ketua Blok C16 Parit 3 1/2 Banat, Hasbullah Samsuddin berkata, penurunan harga padi menjejaskan pendapatan pesawah pada musim menuai kali ini.

Menurutnya, meskipun kualiti pengeluaran padi meningkat dan kurang risiko kepada penyakit, namun penurunan harga belian padi membebaskan pesawah.

"Saya difahamkan lima peratus kawasan tanaman padi di sini sudah dituai sejak awal Januari lalu, namun harganya jatuh lebih rendah.

"Bayangkan harga padi ketika ini jatuh menjunam sebanyak RM250 per tan metrik, sedangkan inilah sumber pendapatan kami untuk menampung kehidupan terutama membuat persiapan persekolahan anak-anak," katanya pada Khamis.

Terdahulu, kira-kira 50 pesawah mengadakan bantahan aman selama 15 minit di Parit 6 Timur, di sini bagi menggesa kerajaan mengekalkan harga padi.

Menurut Hasbullah, penurunan harga padi itu memberi kesan kepada pesawah yang sentiasa berusaha meningkatkan pengeluaran hasil seterusnya menampung keperluan beras negara.

"Saya merayu kerajaan membantu nasib kami yang selama ini telah mengerahkan kudrat untuk bersama-sama membantu menghasilkan keperluan beras negara," ujarnya.

Seorang lagi pesawah, Marnun Mansor berkata, pesawah ketika ini terhimpit dan tertekan berikutan kos input pertanian dan pengurusan terus meningkat.

Ujarnya, kerajaan perlu mengambil kira beberapa faktor yang terpaksa ditanggung mereka seperti kenaikan kos pengeluaran padi merangkumi aktiviti membajak, menabur benih dan meracun.

"Pelbagai kos melambung tinggi antaranya kos benih padi yang naik daripada RM28 kepada RM55 per beg.

"Malah kos membajak dan menuai juga meningkat disebabkan penghapusan subsidi diesel hingga memaksa pesawah menanggung kos mesin jentuai lebih tinggi," jelasnya.

Sementara itu, Penyelaras Parlimen Sabak Bernam, Ahmad Mustain Othman



Ahmad Mustain (kanan) bersama-sama pesawah berhimpun secara aman di Parit 6 Timur, Sabak Bernam pada Khamis bagi menggesa kerajaan mengekalkan harga padi.

berkata, situasi penurunan harga padi mengejutkan pesawah sehingga ramai mengeluh hingga ada yang berputus asa.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan pesawah meninggalkan penanaman itu dan beralih kepada pertanian lain yang lebih menguntungkan.

"Sebab itulah sekarang sudah ramai pesawah yang tanam sayur, pisang dan

kelapa sawit.

"Saya beritahu mereka, demi kelangsungan hidup, buat saja (tanaman lain) daripada tanam padi yang tidak ada sebarang keuntungan.

"Sekiranya kerajaan mahu tanaman padi ini terus kekal diusahakan, berilah perhatian terhadap isu harga padi agar tidak membebaskan pesawah," ujarnya.

KPKM bawa masuk kelapa tua dari Sabah, Sarawak

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan membawa masuk 500 tan metrik kelapa tua ke Semenanjung dari Sabah dan Sarawak setiap bulan bermula Februari.

KPKM dalam kenyataan pada Khamis berkata, usaha mengenal pasti kawasan baharu pengeluaran kelapa sedang diperluas dengan memberi perhatian kepada kawasan produktif di Sabah dan Sarawak.

Menurut KPKM, Kementerian itu bersama Kementerian Pertahanan (Mindef) melalui pelaksanaan Projek AgroDefence akan memfokuskan kepada penanaman kelapa.

"Projek berkenaan akan memfokuskan tanah milik Mindef yang berpotensi dibangunkan dengan memanfaatkan tanah yang tidak digunakan secara optimum bagi tujuan pertanian untuk meningkatkan pengeluaran domestik kelapa.

"KPKM mengalu-alukan penyertaan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor swasta untuk menceburi industri ini.

"Selain itu, para petani dan

usahawan yang berminat untuk mengusahakan tanaman kelapa boleh berbuat demikian dengan menghubungi Jabatan Pertanian untuk khidmat nasihat teknikal berkaitan," ujarnya.

Tambahnya, bagi menangani isu kekurangan bekalan kelapa, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut meningkatkan pembelian kelapa tua dari Indonesia.

"Langkah ini diambil untuk memastikan bekalan mencukupi bagi kegunaan domestik terutama menjelang musim perayaan.

"Pada masa ini, FAMA sedang dalam proses perundingan dengan pembekal baharu dan perundingan peningkatan pembelian dengan pembekal sedia ada di Indonesia," kata kenyataan itu.

KPKM turut menyeru kepada pekebun kecil kelapa di semua daerah untuk menghantar dan mengumpulkan hasil tanaman kelapa di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian yang dikelola FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di seluruh negara bagi akses pasaran yang lebih luas dan menjamin harga jualan kompetitif.

Kerajaan disaran wujudkan kuota belian padi pengilang besar

ALOR SETAR - Kerajaan disaran mewujudkan kuota belian padi kepada pengilang khususnya pengilang besar bagi mengelak berlakunya monopoli.

Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Musonnef Md Radzi berkata, penetapan kuota padi itu akan membolehkan pengilang besar dan pengilang kecil bekerjasama memulihkan industri padi.

Menurutnya, ketiadaan kuota menyebabkan pengilang besar membeli padi dalam kuantiti banyak sehingga memanipulasi industri kerana mereka menguasai stok bekalan.

"Jika ada kawalan, tiada lagi kilang besar boleh menguasai industri kerana sekarang tanpa kawalan, mereka boleh beli padi musim sehingga 50,000 tan metrik.

"Situasi itu menyebabkan mereka menguasai pasaran dan kitaran termasuk bekalan beras tempatan mahupun import," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah Musonnef, situasi itu juga menghimpit kilang-kilang kecil Melayu yang terpaksa mengikut 'rentak' pengilang besar.

"Terdapat 15 kilang besar yang menguasai rantaian daripada pesawah, pengilang, pemborong hingga peruncit. Mereka juga kuasai keseluruhan rantaian sehingga bekalan beras import serta kilang padi benih.



MUSONNEF

"Kilang-kilang kecil Melayu hanya tinggal sembilan dengan empat daripadanya di Kedah. Ia dimiliki sepenuhnya Melayu dan tidak wujud sistem alibaba.

"Empat kilang itu hanya menguasai sekitar 50,000 tan metrik daripada keseluruhan 400,000 tan metrik," jelasnya.

Menurutnya, ada ketika kenaikan harga dicetuskan oleh pengilang besar yang berkemampuan kerana tiada kuota dalam pembelian padi.

"Penetapan kuota ini sudah lama diutarakan kepada kerajaan sejak tahun 2005 selain kuota beras import kepada pengilang kecil. Ini kerana penguasaan beras tempatan oleh kilang terbabit hanya sekitar 10 peratus dalam pasaran," ujarnya.

Katanya, sistem Lembaga Padi Negara (LPN) wajar dikembalikan bagi menangani situasi tersebut.

Ujarnya, perkara kedua yang perlu diperhalusi ialah harga lantai belian padi RM1,300 dan harga siling beras RM26 sekilogram (kg).

Katanya, kali terakhir harga beras dinaikkan pada tahun 2007 sedangkan harga belian padi mengalami lima kali kenaikan.

"Ini kerana pengilang tidak dapat mengimbangi kos pengeluaran yang meningkat. Tidak logik jika kos pengeluaran cecah RM32 bagi sekampit beras di pintu kilang tetapi perlu jual RM26 di pasaran," jelasnya.

17/1/2025

KOSMO

NEGARA

9

Reformasi industri padi tumpuan KPKM

- **Pastikan kemandirian bekalan padi dan beras negara**
- **Bawa industri ke tahap lebih lestari, berdaya saing**

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Mereformasi industri padi dan beras negara menjadi tumpuan utama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada tahun 2025 bagi memastikan kemandirian bekalan padi dan beras tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, reformasi itu juga bertujuan untuk membawa industri berkenaan ke tahap yang lebih tinggi dengan mengutamakan pendekatan yang lebih

lestari, berdaya saing dan mesra alam.

Katanya, langkah-langkah yang sedang dilaksanakan secara berperingkat ketika ini adalah mengambil kira pelbagai cabaran dalam rantaian nilai padi dan beras serta keperluan reformasi tadbir urus yang komprehensif.

"Dua sasaran kita yang masih lagi agak jauh untuk dicapai adalah padi beras dan (industri) ruminan. Dua perkara ini yang akan menjadi tumpuan utama pada tahun 2025 kerana kita tahu masalah penggunaan beras di Malaysia semakin meningkat.

"Oleh kerana penggunaan beras yang meningkat, jadi pengeluaran padi juga harus kita pertingkatkan kerana kita biasa capai pengeluaran beras negara sehingga 71 peratus, tetapi sekarang kira-kira 56 peratus.

"Keberlaksanaan ini pula berlakunya banjir dan musim kemarau berturut-turut sehingga

menyebabkan kekurangan hasil, tetapi pelbagai langkah kita telah ambil, selain akan terus fokus untuk meningkatkan industri padi dan beras negara ini," katanya selepas menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2025 KPKM di sini semalam.

Mohamad berkata, komponen perlu dititik beratkan sepanjang rantaian nilai industri padi beras negara termasuk pengukuhan infrastruktur pengairan di kawasan jelapang dan luar jelapang padi negara.

Katanya, fokus perlu diberikan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas bagi memastikan ketersediaan pengairan di kawasan penanaman padi.

"Saya mohon kepada KSU (Datuk Seri Isham Ishak) untuk pastikan isu-isu pengairan dapat diselesaikan dengan efisien dan berkesan melalui permohonan peruntukan di bawah RMK-13," ujarnya.

PETALING JAYA – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan meningkatkan pembelian kelapa tua dari Indonesia bagi menangani isu kekurangan bekalan kelapa di pasaran.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata, langkah proaktif itu juga untuk memastikan bekalan men-

cukupi bagi kegunaan domestik terutama menjelang musim perayaan.

Katanya, FAMA kini dalam proses perundingan dengan pembekal baharu dan perundingan peningkatan pembelian dengan pembekal sedia ada di Indonesia.

"FAMA turut mengenal pasti

luas dengan memberi perhatian kepada kawasan produktif di Sabah dan Sarawak.

Katanya, projek AgroDefence pula akan memfokuskan penanaman kelapa di tanah milik Kementerian Pertahanan yang berpotensi untuk dibangunkan dengan penanaman kelapa.

"Projek ini akan memanfaatkan tanah yang tidak digunakan secara optimum untuk pertanian bagi meningkatkan pengeluaran domestik kelapa.

"Pada masa sama, KPKM menyalurkan penyertaan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor swasta untuk menceburi industri ini," katanya.



MOHAMAD (tengah) bergambar bersama warga Kementerian selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 KPKM di Putrajaya semalam.

FAMA tingkat pembelian kelapa tua dari Indonesia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Tingkat pengeluaran padi tumpuan 2025

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Reformasi industri padi dan beras negara akan menjadi tumpuan utama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada tahun ini bagi memastikan kelangsungan bekalan padi dan beras tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, reformasi itu juga bertujuan membawa industri berkenaan ke tahap lebih tinggi dengan mengutamakan pendekatan yang lebih lestari, berdaya saing dan mesra alam.

Jelasnya, langkah-langkah yang dilaksanakan secara berper-

ingkat ketika ini adalah dengan mengambil kira pelbagai cabaran dalam rantai nilai padi dan beras serta keperluan reformasi tadbir urus yang komprehensif.

“Dua sasaran kita yang masih lagi agak jauh untuk dicapai adalah padi beras dan industri ruminan. Dua perkara ini akan menjadi tumpuan utama pada tahun 2025 kerana kita tahu masalah penggunaan beras di Malaysia yang semakin meningkat.

“Jadi pengeluaran padi juga harus kita pertingkatkan kerana kita biasa capai pengeluaran beras negara sehingga 71 peratus, tetapi sekarang kira-kira 56 peratus,” katanya selepas menyampaikan Amanat Tahun Baharu

2025 KPKM di sini, semalam.

Kebelakangan ini pula katanya, berlaku banjir dan musim kemarau berturut-turut sehingga menyebabkan kekurangan hasil.

Dalam pada itu kata Mohamad, komponen yang perlu dititik beratkan sepanjang rantai nilai industri padi beras negara termasuk pengukuhan infrastruktur pengairan di kawasan dalam dan luar jelapang padi negara.

Menurutnya, fokus perlu diberikan di dalam perancangan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) bagi memastikan ketersediaan pengairan di kawasan-kawasan penanaman padi seluruh negara.



MOHAMAD Sabu melancarkan Amanat Tahun Baharu 2025 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Pesawah tuntutan harga padi RM1,600

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

SABAK BERNAM: Lebih 4,000 pesawah di Sungai Besar di sini, menggesa kerajaan campur tangan dan mengembalikan harga belian padi yang didakwa turun mendadak dari RM1,650 kepada RM1,400 per tan metrik.

Ketua Blok C16 Parit 3 Banat, Hasbullah Samsuddin berkata, penurunan harga itu menjejaskan pendapatan pesawah pada musim menuai kali ini dan perubahan tersebut dilihat menerusi tuaian lima peratus kawasan tanaman sejak awal Januari lalu.

"Biarpun kualiti pengeluaran padi meningkat dan kurang risiko penyakit, penurunan harga belian amat membebankan.

"Harga ketika ini jatuh sebanyak RM250 per tan sedangkan ia sumber pendapatan hidup kami terutama mahu persiapan persekolahan anak-anak," katanya selepas membuat banta-



Harga ketika ini jatuh sebanyak RM250 per tan sedangkan ia sumber pendapatan hidup kami terutama mahu persiapan persekolahan anak-anak,"

HASBULLAH SAMSUDDIN

han aman bersama 50 pesawah di sini semalam.

Dia merayu kerajaan membantu nasib pesawah yang sentiasa berusaha bersama membantu menghasilkan keperluan beras negara.

Bagi Marnun Mansor, 50-an, pesawah tertekan dengan kos

input pertanian dan pengurusan yang terus meningkat.

"Kerajaan perlu mengambil kira faktor kenaikan kos pengeluaran padi meliputi aktiviti membajak, menabur benih dan meracun.

"Selain benih padi yang naik daripada RM28 kepada RM55 setiap beg, kos membajak dan menuai turut meningkat kerana penghapusan subsidi diesel," luahnyanya.

Penyelaras Parlimen Sabak Bernam, Ahmad Mustain Othman berkata, situasi penurunan harga padi mengejutkan pesawah sehingga ramai mengeluh dan berputus asa.

"Pasti pesawah meninggalkan tanaman padi dan beralih kepada pertanian lain yang lebih menguntungkan.

"Jika kerajaan mahu ia terus kekal diusahakan, isu harga padi agar perlu diberi perhatian sewajarnya bagi mengurangkan beban pesawah," katanya.



ANTARA pesawah membuat bantahan secara aman di Parit 6 Timur, Sungai Besar di Sabak Bernam, Selangor, semalam.

SIDANG KEMUNCIAK ASEAN KE-47

Mini Maha kukuh kerjasama

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menganjurkan Mini Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancangan Malaysia (Maha) sempena Sidang Kemunciak ASEAN ke-47, Oktober ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Mini Maha akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang sebagai platform strategik untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama agro antara negara-negara ASEAN.

"Acara ini diharapkan dapat menarik lebih banyak pelaburan asing, meningkatkan eksport produk agro seperti pengilatan Maha itu," katanya.

Di bawah tema 'Keterangkuman dan Keamanan', Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada lebih 300 mesyuarat, program dan sidang kemuncak berkaitan ASEAN sepanjang tahun.

Malaysia pernah menjadi Pengerusi ASEAN pada 1977, 1997, 2005 dan 2015.

Mengulas mengenai kejayaan pengantaraan Maha 2024, Mohamad berkata, pameran itu berjaya menarik kehadiran seramai 5.51 juta pengunjung dari dalam dan luar negara sepanjang pengantaraan di Maeps Serdang dari 11 hingga 22 September lalu.

Langkah proaktif Fama tangani kekurangan bekalan kelapa

tingkatan pembelian dengan pembekal sedia ada di Indonesia, menurut kenyataan KPKM itu.

Di samping itu, KPKM memaklumkan usaha mengenal pasti kawasan baharu pengeluaran kelapa sedang diperluas dengan memberi perhatian kepada kawasan produktif di Sabah dan Sarawak.

"Fama turut mengenal pasti kawasan pengeluaran kelapa di Sabah dan Sarawak untuk dibawa ke Semenanjung," menurut kenyataan itu.

Dalam usaha memperkukuh industri itu, KPKM memaklumkan pihaknya bersama Kementerian Per-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Mini MAHA sempena sidang kemuncak

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menganjurkan mini Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) bersempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 pada Oktober ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pengajuran mini MAHA itu sebagai platform strategik untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama agro antara negara-negara ASEAN.

Selain itu, beliau berharap inisiatif tersebut mampu menarik lebih banyak pelaburan asing, meningkatkan eksport produk agro tempatan serta memperkasa peranan Malaysia sebagai peneraju dalam keterjaminan makanan di rantau ASEAN.

"Mini MAHA diadakan di MAEPS (Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang) pada tahun ini semasa sidang ASEAN dengan para peserta akan dibawa untuk melawat kawasan MAHA," katanya menerusi sidang akhbar selepas menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2025 KPKM di sini semalam.

Mengulas berhubung kejayaan pengajuran MAHA 2024, Mohamad berkata, pameran tersebut mencatatkan nilai jualan keseluruhan RM48.55 juta dan pemeteraian 81 memorandum bernilai RM7.2 bilion selain kehadiran seramai 5.51 juta pengunjung.

Selain itu, katanya, sebanyak 209,352 transaksi tanpa tunai melalui kod QR Agrobank direkodkan dengan jumlah keseluruhan RM4.06 juta, di samping potensi pembiayaan dianggarkan sebanyak RM1.57 bilion dan jualan barangan cenderamata berjumlah RM1.6 juta.

Kejayaan itu turut memberi manfaat langsung kepada lebih 2,000 usahawan dan pempamer, memperkukuh status Malaysia sebagai hab agro antarabangsa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Import 500 tan kelapa Indonesia setiap bulan penuh bekalan musim perayaan

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menganggarkan 500 tan kelapa akan dibawa masuk dari Indonesia ke Semenanjung setiap bulan, bermula bulan depan.

KPKM dalam satu kenyataan, memaklumkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil langkah proaktif bagi menangani isu kekurangan bekalan kelapa di pasaran dengan meningkatkan pembelian kelapa tua dari Indonesia.

Menurut kenyataan itu, langkah berkenaan bagi memastikan bekalan mencukupi untuk kegunaan domestik terutama menjelang musim perayaan.

"Pada masa ini, FAMA sedang dalam proses perundingan dengan pembekal baharu dan perundingan meningkatkan pembelian dengan pembekal sedia ada di Indone-

sia," menurut kenyataan itu.

KPKM juga memaklumkan, usaha mengenal pasti kawasan baharu pengeluaran kelapa sedang diperluas dengan memberi perhatian kepada kawasan produktif di Sabah dan Sarawak.

"FAMA turut mengenal pasti kawasan pengeluaran kelapa di Sabah dan Sarawak untuk dibawa ke Semenanjung," menurut kementerian berkenaan.

Dalam usaha memperkukuh industri itu, KPKM memaklumkan pihaknya bersama Kementerian Pertahanan (MINDEF) melalui pelaksanaan Projek AgroDefence akan memfokuskan penanaman kelapa di tanah milik MINDEF yang berpotensi ditanam kelapa.

Projek itu akan memanfaatkan tanah yang tidak digunakan secara

optimum untuk pertanian bagi meningkatkan pengeluaran domestik kelapa.

Pada masa sama KPKM turut mengalu-alukan penyertaan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta untuk menceburi industri berkenaan.

"Selain itu, petani dan usahawan berminat untuk mengusahakan penanaman kelapa boleh berbuat demikian dengan menghubungi Jabatan Pertanian untuk khidmat nasihat teknikal berkaitan," menurut kenyataan itu.

KPKM juga meminta semua pekebun kecil kelapa di semua daerah menghantar dan mengumpul hasil kelapa di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di seluruh negara bagi akses pasaran yang lebih luas dan menjamin harga jualan kompetitif. BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2025	THE STAR	NATION	8

Overcoming the coconut shortage with imports

PUTRAJAYA: The Agriculture and Food Security Ministry has announced that an estimated 500 tonnes of coconut will be imported into Peninsular Malaysia each month from February onwards.

It said the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has taken proactive steps to address the coconut supply shortage by purchasing more mature coconuts from Indonesia, particularly for the upcoming festive seasons.

"Fama is negotiating with new suppliers and also discussing increased purchases from existing suppliers in Indonesia.

"Additionally, Fama has identified coconut cultivation areas in Sabah and Sarawak," said the ministry in a statement yesterday, Bernama reported.

To strengthen the industry, the ministry announced its collaboration with the Defence Ministry through the AgroDefence Project, focusing on coconut cultivation on undeveloped land owned by the ministry.

Calls to address growing food insecurity in Malaysia

■ BY QIRANA NABILLA
MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: As Malaysia grapples with the aftermath of floods that have destroyed over 100ha of farmland in December, experts are calling for measures to address growing food insecurity.

Federation of Vegetable Farmers Association president Lim Ser Kwee said vegetable farms in Johor, Malacca, Perak, Kelantan and Terengganu were damaged by the floods, resulting in a shortage of supply and increased prices of between 50% and 80%.

He said the crops affected included *sawi*, spinach, cucumber, tomatoes and lady's fingers.

Universiti Utara Malaysia School of International Studies Assoc Prof Dr Bakri Mat said the floods are a

reminder of how climate-related disasters could disrupt food security.

► Floods causing vegetable supply shortage and price hikes: Farmers' association

"In the short term, the destruction of farmland has led to a sharp drop in domestic agricultural supply, particularly vegetables.

"Such supply chain disruptions create immediate food insecurity, particularly for low-income communities that struggle to afford inflated prices."

He said such a situation is concerning when viewed from a national security perspective as Malaysia imports a significant proportion of its vegetables, and over-reliance on global markets amplifies vulnerability to price volatility and supply shocks.

"The challenge is compounded by the risk of losing skilled farmers, who might abandon agriculture due to recurring losses.

"Malaysia must focus on building resilience by diversifying food production, investing in research to develop climate-adaptive crops and strengthening policies that protect smallholder farmers."

Bakri said climate-related incidents highlight the need for proactive disaster preparedness in Malaysia's agricultural sector.

He urged the government to focus on improving early warning systems, localised disaster response and infrastructure development.

"Malaysia needs to enhance its

meteorological capabilities and develop digital platforms that provide real-time alerts to farmers through apps or SMS. This could raise awareness among farmers and help them prepare mentally and physically to reduce the overall impact of disasters."

He said financial relief is a critical priority and implementing accessible climate insurance schemes, such as index-based insurance, could provide farmers with immediate assistance.

"Providing micro-loans designed for disaster-hit farmers could empower them to rebuild and reinvest in their livelihoods, helping them to recover from losses and adapt to climatic conditions."

He said the rising frequency of extreme weather calls for a complete overhaul in agricultural practice, including better water management and agro-ecological zoning to ensure the crops that are planted suit each region's climate and soil.

Taylor's University Faculty of Social Sciences and Leisure Management senior lecturer Dr Salini Devi Rajendran said food security challenges are intertwined with climate change and systemic inefficiencies.

"The urgency of addressing food security is highlighted by Malaysia's 2.6% year-on-year increase in food prices as of November 2024, the highest increase since December 2023."

She said long-term solutions to prepare agricultural supplies remain inadequate.

She also said farmers remain vulnerable to extreme weather events, leading to frequent yield losses and supply disruptions.

"Agriculture remains the backbone of the economy and a critical element of our national identity.

"The unpredictable nature of climate factors are threatening food production and distribution, underscoring the need for resilient and sustainable food systems."



Bakri said climate-related incidents highlight the need for proactive disaster preparedness. — AMIRUL SYAFIQ/THE SUN